

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL**

**KAWASAN : LIBARAN**

**NO. SOALAN : 184**

YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2011, 2012, 2013, 2014 dan jangkaan 2015.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan kepada statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, tren sumbangan PKS kepada KDNK adalah meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2011, sumbangan PKS kepada KDNK negara adalah sebanyak 32.5%, manakala pada tahun 2012 dan 2013, sumbangan PKS kepada KDNK adalah 32.7% dan 33.1%. Peningkatan sumbangan berkenaan disokong oleh permintaan dalam negara yang kukuh dengan dipacu oleh kedua-dua aktiviti penggunaan dan pelaburan.

Mengikut penilaian terkini mengenai pertumbuhan KDNK Malaysia pada tahun 2014, pertumbuhan KDNK PKS diunjurkan mencatat pertumbuhan sebanyak 6.5% – 7% pada tahun 2014. Manakala bagi tahun 2015 pula, pertumbuhan KDNK PKS diunjurkan berkembang pada kadar 5.5% – 6%. Justeru, sumbangan PKS kepada KDNK adalah dijangka sekitar 33.4% pada tahun 2014 dan 33.6% pada tahun 2015.

Perangkaan sumbangan mengikut tahun adalah seperti jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Tahun	2011	2012	2013 <sup>e</sup>	2014 <sup>a</sup>	2015 <sup>r</sup>
	Kadar Pertumbuhan (%)				
KDNK Keseluruhan	5.2	5.6	4.7	6.0	4.5 – 5.5
KDNK PKS	7.1	6.0	6.3	6.5 – 7.0	5.5 – 6.0
	(%) bahagian kepada KDNK				
Sumbangan PKS kepada KDNK	32.5	32.7	33.1	33.4	33.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

e: anggaran

a: awalan

r: ramalan